

Reaksi perkenal semula GST

Ahli Parlimen Kangar, Noor Amin Ahmad dari PKR sokong kerana berpendapat GST sistem percukain yang lebih baik.



Pensyarah Kanan UPM, Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff pula menegaskan, jika hanya kadar 3%, pengenalan semula GST tidak membantu kewangan negara.

**BERITA PENUH
DI MUKA 3**

Langkah perkenal semula perlu diteliti - Aktivis, pensyarah

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Implikasi kepada rakyat, harga barang selain hasil kerajaan merupakan antara aspek penting yang perlu diteliti dan diberi perhatian dalam membuat keputusan sama ada cukai barangan dan perkhidmatan (GST) wajar diperkenalkan semula.

Sebaik mana pun sistem percukain itu, namun bagi pengguna usaha itu hanya gagal jika menjadi punca kenaikan harga barang dan perkhidmatan yang membebaskan sebagaimana pelaksanaan GST sebelum ini walaupun dapat meningkatkan hasil kerajaan.

Bagaimanapun, cadangan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) semalam seperti dinyatakan Pengerusinya, Tan Sri Dr. Kamal Salih supaya GST diperkenalkan semula pada kadar lebih rendah iaitu tiga peratus dalam Belanjawan 2020, mungkin boleh dilihat dari aspek berbeza.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), **Mohd. Yusof Abdul Rahman** berkata, adalah sukar untuk mengubah persepsi pengguna terhadap GST berdasarkan pengalaman sebelum ini yang menyaksikan cukai itu memberi impak negatif kepada rakyat sehingga membawa kepada pertukaran kerajaan pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Pada pandangan saya, mungkin masalah (pemolakan GST) berlaku kerana pelaksanaannya yang menyebabkan rakyat terbeban dengan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan khususnya yang keperluan. Kadar enam peratus yang dikenakan dahulu adalah tinggi.



MOHD. YUSOF



NAZZIM JOHAN



AHMED RAZMAN

"Jika mahu GST diperkenalkan semula, kerajaan perlu menstrukturkan semula kadar itu supaya ia tidak membebaskan rakyat," katanya kepada Bernama.

Menurutnya, jika kerajaan dapat memberi jaminan sedemikian berserta penjelasan kukuh dan mengambil kira tahap kemampuan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40), beliau yakin perkara itu dapat diterima baik oleh rakyat.

Beliau juga bersetuju dengan pendapat Dr. Kamal Salih bahawa hasil pendapatan GST dapat membantu mengukuhkan kewangan kerajaan berbanding pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPMI), **Datuk Nazzim Johan** pula berpendapat, GST wajar diperkenalkan semula dengan syarat ia tidak menambah bebanan rakyat dan terbukti memberi manfaat kepada negara.

Bagaimanapun katanya, kerajaan perlu membuat kajian menyeluruh dan telus untuk mempersejalkan semula GST terutamanya mengenakan kadar lebih rendah berbanding enam peratus sebelum ini.

Menurutnya, berdasarkan pengalaman sebelum ini, kerajaan juga perlu mengambil tin-

dakan terhadap peniaga yang terbukti mengambil kesempatan mengenakan caj lebih mahal jika GST dilaksanakan.

"Perkara ini yang membimbangkan rakyat. Costohnya jika kadar GST yang ditetapkan empat peratus tetapi peniaga menaikkan harga sehingga enam peratus atas alasan GST dan ini pastinya menimbulkan kemarahan rakyat," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff** berkata, saranan MIE supaya kerajaan memperkenalkan semula cukai GST tidak akan membantu memperkukuhkan kedudukan kewangan negara.

"Saya tidak nampak rasional perkenalkan semula GST pada kadar rendah kerana nanti pendapatan akan sama sahaja melalui SST.

"Selain itu, masalah sama dalam GST terus berulang, lepas itu kutipan pun tidak seberapa kerana nak turun kepada tiga peratus, ia akan jadi sama seperti dahulu," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Ahmed Razman berkata, langkah terbaik yang sewajarnya dilakukan oleh kerajaan sekarang adalah pengurangan perbelanjaan.